Headline	TNB perkenal portal sehenti hujung bulan ini		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Jul 2016	Language	Malay
Circulation	279,000	Readership	837,000
Section	Bisnes	Page No	18
ArticleSize	65 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 1,920		

Byoutea Herb rancang ke Asia Tenggara

Penjenamaan semula sambal hitam

TNB perkenal portal sehenti hujung bulan ini

TENAGA Nasional Bhd (TNB) akan melancarkan portal sehenti di *www.mytnb.com.my* hujung bulan ini bagi membolehkan pengguna membuat urusan tanpa sempadan.

Dalam satu kenyataan, TNB berkata, seramai 8.6 juta pelanggan boleh membuat pelbagai transaksi dan mendapat akses kepada maklumat yang mereka kehendaki.

"Semasa tempoh peralihan sistem sepanjang Julai ini, gangguan kecil mungkin terjadi bagi beberapa transaksi.

"Bagaimanapun, warga kerja kami sedia membantu dan akan berusaha sebaik boleh bagi mengurangkan gangguan tersebut," kata TNB.

Menurut kenyataan itu, urusan yang boleh dibuat termasuk permohonan bekalan, pertukaran nama dan penutupan akaun.

Perkhidmatan lain ialah pemulangan wang cagaran dalam tempoh yang lebih singkat dan terus didebitkan ke akaun bank pelanggan serta pembayaran bil.

Pelanggan juga boleh mendapat akses kepada maklumat dan trend penggunaan elektrik dan carian ke portal-portal lain yang berkaitan industri elektrik.

Powered by: iSENTIA